

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM  
[ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH : 17 MEI 2016  
[ SELASA ]**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

(a) statistik perangkaan bilangan pemandu teksi berdaftar di Malaysia dan bilangan pemandu perkhidmatan kereta "UBER"; dan

(b) langkah Kementerian bagi memberi solusi kepada status terkini perkhidmatan kereta "UBER" di Malaysia supaya tidak berlaku lagi krisis yang dihadapi pemandu teksi di negara ini.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sehingga kini, terdapat 54,023 orang pemandu teksi/kereta sewa yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.). Sementara itu, tiada maklumat mengenai data pemandu Uber dan GrabCar, kerana pemandu-pemandu ini tidak berlesen atau berdaftar dengan S.P.A.D.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan tempahan teksi melalui aplikasi adalah dibenarkan selagi penyedia perkhidmatan (pemandu) menggunakan kenderaan berlesen dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan di negara ini. Mana-mana penggunaan kenderaan persendirian untuk perkhidmatan teksi adalah satu kesalahan berdasarkan peruntukan seksyen 16, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.
3. Sehingga kini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) masih mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan seperti tindakan saman dan sitaan kenderaan kepada pihak-pihak yang melanggar syarat dan peraturan. Selain itu, peringatan bertulis turut telah diberikan kepada Pengendali Berlesen yang terlibat untuk berhenti daripada menyediakan perkhidmatan yang melanggar syarat-syarat lesen yang ditetapkan.
4. Bagi langkah penyelesaian masa panjang, S.P.A.D. telah menjalankan satu makmal transformasi teksi bersama agensi-agensi

Kerajaan dan juga pihak berkepentingan terutamanya dalam industri ini (*industry player*). Hasil daripada makmal tersebut, S.P.A.D telah memuktamadkan beberapa cadangan inisiatif penambahbaikan industri teksi secara menyeluruh. Kesemua cadangan inisiatif-inisiatif ini sedang diperhalusi dan Kerajaan akan membuat keputusan pada masa terdekat.

5. Polisi baru bagi mengawal selia dan memantau sistem tempahan teksi atas talian melalui aplikasi pintar/mudah alih juga sedang dirangka. Beberapa syarat dan piawaian akan diperkenalkan bagi memastikan semua penyedia aplikasi ini menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pengguna dan dalam masa yang sama memberi manfaat kepada pemandu. Polisi baru ini akan mewujudkan *win-win situation* dan memastikan kesamarataan di antara teksi biasa dan juga pemandu yang menggunakan aplikasi tempahan atas talian. Ini secara langsung akan meningkatkan mutu perkhidmatan teksi dan sekali gus akan memberi manfaat kepada semua pihak termasuklah pemandu dan juga pengguna.

Sekian, terima kasih.